

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Tuan Sivakumar A/L Varatharaju  
Naidu [ Batu Gajah ]
- TARIKH** : 7 Mac 2017 (Selasa)
- SOALAN** : Tuan Sivakumar A/L Varatharaju  
Naidu [ Batu Gajah ] minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI** menyatakan sama ada usaha-  
usaha telah diambil untuk  
menambahkan pengeluaran kelapa di  
negara kita. Harga kelapa semakin  
meningkat akibat permintaan yang  
tinggi. Berapakah jumlah kelapa yang  
dihasilkan di negara kita dan  
berapakah jumlah yang terpaksa di  
import ketika ini.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2015, kawasan tanaman kelapa adalah dianggarkan seluas 82,000 hektar yang menghasilkan 505.6 ribu tan metrik manakala keperluan domestik adalah sebanyak 626 ribu tan metrik. Kekurangan ini ditampung oleh import sebanyak 120.4 ribu tan metrik. Sementara itu, pada tahun 2016, keluasan tanaman kelapa menurun kepada 80,360 hektar tetapi kapasiti pengeluaran dan keperluan domestik sedikit meningkat kepada 526.2 tan metrik dan 662.3 ribu tan metrik setiap satunya. Kekurangan ini ditampung oleh import sebanyak 136.1 ribu tan metrik.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran kelapa tempatan. Antaranya adalah program penanaman semula kelapa dengan varieti berhasil tinggi seperti kelapa hibrid MATAG, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD). Kelapa MATAG mampu menghasilkan sebanyak 25,000 biji sehektar setahun berbanding kelapa *Malayan Tall* yang hanya mengeluarkan 7,000 biji sehektar setahun. Selain itu, beberapa kawasan kebun kelapa yang masih produktif dipulihkan menerusi bantuan pembajaan, pembaikan sistem perparitan dan pengurusan serangga perosak bagi meningkatkan produktiviti.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bersama-sama DOA telah melaksanakan model pengurusan berpusat di Bagan Datuk dan Hutan Melintang di daerah Hilir Perak seluas 187.5 hektar sejak tahun 2009 yang melibatkan seramai 123 peserta. Model ini bertujuan untuk mengeluarkan dan memasarkan hasil kelapa secara berpusat dan

bersepadu melalui tanah-tanah milik ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Model ini dilihat berupaya meningkatkan pengeluaran kelapa dan berikutan itu ia boleh dikembangkan ke lokasi lain yang berpotensi seperti di Selangor dan Johor.

Pencapaian kedua-dua program penanaman semula dan pemulihan kawasan ini turut bergantung kepada program pengeluaran benih yang berkualiti dan boleh memberikan hasil tinggi dan optimum seperti anak benih kelapa hibrid MATAG. Dalam hal ini, Kerajaan mensasarkan sebanyak 1 juta benih hibrid dihasilkan menjelang tahun 2020. Kerajaan akan terus bekerjasama dengan syarikat swasta serta meningkatkan kerjasama antara Jabatan di Sabah dan Sarawak dalam meningkatkan pengeluaran benih hibrid berkualiti tinggi.

Bagi mengusahakan penggunaan tanah secara optimum dalam keadaan kawasan pengeluaran makanan yang semakin menguncup, amalan pertanian secara integrasi adalah digalakkan dengan bantuan tanaman semula kepada pekebun kecil yang mengusahakan lebih daripada dua jenis komoditi pertanian seperti kelapa dan koko.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 MAC 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [ DUNGUN ]

**Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pengeluaran minyak dan gas serta hasil perolehan kepada PETRONAS berkaitan pendaratan minyak ke Thailand sejak operasi bermula hingga 31 Disember 2016 dan kesan limpahan ekonomi negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaratan minyak dan gas ke Thailand adalah merujuk kepada aktiviti pengeluaran minyak dan gas oleh Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) di kawasan pembangunan bersama (JDA). Jumlah pengeluaran minyak dan gas di kawasan JDA sejak pengeluaran pertama pada tahun 2005 sehingga suku tahun keempat 2016 adalah sebanyak 48.76 juta tong minyak (*million barrel*) dan 3.75 trilion kaki padu gas (*trillion cubic feet*). Hasil pengeluaran tersebut telah memberi manfaat kepada limpahan ekonomi negara menerusi bayaran tunai kepada kedua-dua negara merangkumi royalti dan juga cukai petroleum.

Sekian, terima kasih.

7 Mac 2017